

Headline	Rizab kukuh tangani risiko		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	242 cm ²
Journalist	Norfatimah Ahmad	AdValue	RM 8,193
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,579



Rizab kukuh tangani risiko

» *Malaysia tak laksana langkah kawalan modal: Najib*

Oleh Norfatimah Ahmad dan Ahmad Farizal Hajat

Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia tidak akan melaksanakan langkah kawalan modal sebagai usaha menangani kesan ketidaktentuan ekonomi global ke atas negara pada masa ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana negara berada dalam kedudukan baik untuk menangani risiko berkenaan bersandarkan kepada rizabnya yang kukuh berjumlah AS\$130 bilion (RM412.7 bilion), iaitu jauh lebih tinggi berbanding hanya AS\$20 bilion (RM63 bilion) ketika Krisis Kewangan 1997/98.

“Asas ekonomi Malaysia kini adalah lebih berdaya tahan berbanding negara lain di rantau ini kerana kita memiliki kedudukan rizab yang kukuh bagi menahan sebarang impak kepada asas kewangan walaupun pada masa ini adanya pengaliran keluar dana asing.

“Kita juga memiliki simpanan yang tinggi dalam institusi kewangan seperti Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

Jumlah rizab mencukupi

“Jadi, jumlah rizab yang lebih tinggi ini adalah mencukupi berbanding dengan apa yang kita ada semasa krisis kewangan pada 1997.

“Justeru, saya tidak fikir langkah kawalan modal menjadi pilihan pada masa ini,” katanya dalam rakaman temu bual dengan pengacara *The CNBC Conversation*, Martin Soong, semalam. Rakaman selama kira-kira 45 minit itu akan disiarkan jam 5 petang ini di rangkaian CNBC.

Beliau berkata demikian ketika ditanya Soon sama ada kerajaan akan mengenakan langkah kawalan modal bagi menangani atau mengurangkan keadaan turun naik pasaran sekarang ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan

pada masa ini lebih suka menggunakan instrumen kewangan sedia ada dalam pasaran bagi membetulkan sebarang turun naik dalam ekonomi.

“Kebanyakan hutang adalah dalam negara (berbanding hutang luar) dan sebahagian besar daripadanya adalah untuk jangka panjang.

“Jadi, kita berada pada kedudukan kukuh, dan kemungkinan untuk menghadapi krisis adalah sangat minimum,” katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah kawalan modal hanya akan dilaksanakan sebagai pilihan terakhir.

Malaysia sebelum ini mengenakan kawalan modal pada September 1998 ketika krisis mata wang serantau dengan menambat nilai ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat (AS) dalam usaha menyekat serangan spekulatif ke atas ringgit. Ia juga bertujuan untuk menstabilkan kembali ekonomi.



KWSP antara simpanan negara.

[FOTO HIASAN]